Please refer to Question 9 on how frequent you should sync your steps into Pulse app.

12. How can I monitor the performance of my steps count and Sum Assured increment?

You may find your steps count and Sum Assured information on the Home screen and under My Coverage in your Pulse app.

13. What happens after 100 days from the commencement of my coverage?

Enjoy the free Cancer coverage you have earned until the end of your coverage term.

14. When will my coverage start and end?

Your insurance coverage starts once you have successfully signed up and is valid for a period of 12 months.



15. How do I know if I have successfully registered?

A confirmation screen will appear once you have successfully signed up. Upon successful sign-up, your Insurance Cert will be made available under My Coverage.

16. Which fitness trackers are compatible with the Pulse app?

Apple Health (only for Apple devices), Google Fit (only for Android devices), Fitbit and Garmin.

17. How do I connect my fitness tracker to the Pulse app?

You can connect your fitness tracker under "Health" page -> Click "Connect Now" under "My Wearables" tab or under "Account" page -> Click "My Wearables".

18. Can I disconnect my fitness tracker from Pulse app or change my fitness tracker connected to Pulse app during the coverage term?

You are advised to stay with your selected fitness tracker throughout the first 100 days from the commencement your coverage to ensure continuous tracking of steps to reflect the incremental Sum Assured. If the fitness tracker is disconnected midway, the Sum Assured will only increase up to the point of disconnection.

19. My steps do not sync with Pulse, what can I do?

- Ensure that Pulse has been granted permission to collect data from the fitness tracker app.
- Ensure that you are using the latest version of your fitness tracker app.
- Ensure that you have installed any available updates for your phone. Consult your phone manufacturer for assistance if needed.
- Ensure that the software on your fitness tracker is up to date.
- Allow sometime for the synchronisation to happen. Do launch Pulse daily to synchronise your steps.

20. Is my phone operating system compatible with the Pulse app?

For best experience on Pulse, please use Android 8 and above or iOS 11 and above.

21. How are the steps count verified for fraud?

In order to assess whether any information given to support the increment of Sum Assured under Daily Coverage Booster is fraudulent or exaggerated, or whether there is any false declaration, we may use Artificial Intelligence ("AI") technology or any other technology to conduct audit checks on step counts synced to Pulse app. We may also request for information from the provider of Pulse app or its vendor or its contractor, or the insured member to support the increment of Sum Assured under Daily Coverage Booster.

We may do any of the following, if We find information given to support Daily Coverage Booster is fraudulent or exaggerated, or there is a false declaration:

- i. forfeit the addition to the Sum Assured under Daily Coverage Booster;
- ii. refuse to give Daily Coverage Booster; or
- iii. terminate the insurance coverage of the insured member.

Cancer insurance coverage

22. How do I find out more about the features and benefits of this insurance coverage?

You may refer to the Product Disclosure Sheet and Master Policy/Insurance Certificate for more details. Upon successful sign-up, your Insurance Cert will be made available under My Coverage.

23. What is the Sum Assured amount payable upon claim?

Benefits		Amount
Cancer Benefit	Thyroid Cancer	10% of Sum Assured
	Other Types of Cancer	100% of Sum Assured (or 90% of Sum Assured, if there is a prior claim approved for Thyroid Cancer)



Cancer means any malignant tumour positively diagnosed with histological confirmation and characterized by the uncontrolled growth of malignant cells and invasion of tissue. The term malignant tumor includes leukemia, lymphoma and sarcoma. For the above definition, the following are not covered:

- a) All cancers which are histologically classified as pre-malignant, non-Invasive, carcinoma in situ, having borderline malignancy and/or having malignant potential
- b) All tumors of the prostate histologically classified as T1N0M0 (TNM classification)
- c) All tumors of the thyroid histologically classified as T1N0M0 (TNM classification)
- d) All tumors of the urinary bladder histologically classified as T1N0M0 (TNM classification)
- e) Chronic Lymphocytic Leukemia less than RAI Stage 3
- f) All cancers in the presence of HIV
- g) Any skin cancer other than malignant melanoma

Thyroid Cancer means any malignant tumour of the thyroid gland positively diagnosed with histological confirmation and characterized by the uncontrolled growth of malignant cells and invasion of tissue. For the above definition, all tumours of the thyroid histologically classified as T1N0M0 (TNM classification) are not covered.

Note:

- Diagnosis must be made in Malaysia by a registered medical practitioner qualified and licensed in Malaysia.
- Thyroid Cancer is payable once only. After a claim for Thyroid Cancer, you will no longer be entitled to any additional Daily Coverage Booster and Referral Reward.
- Your coverage shall terminate after a claim for other types of Cancer (except Thyroid Cancer) and/or upon death, whichever happens first.
- Please refer to the insurance certificate for the full terms and conditions under this policy.

24. Is there a waiting period applicable?

Yes, a waiting period of 60 days is applicable. This means that the eligibility for the benefits under the insurance certificate will only start after 60 days from the commencement of your coverage.

25. What are the applicable exclusions?

This plan does not cover:

- a) the signs or symptoms of illness that were present, or the illness was diagnosed, at any time before or within 60 days from the Commencement Date of the Insured Member's Insurance Certificate;
- b) the illness that was not diagnosed while the Insured Member was alive;
- c) the illness arises directly or indirectly from Pre-Existing Conditions;
- d) illness that is directly or indirectly caused by the existence of Acquired Immuno-Deficiency Syndrome ("AIDS") or the presence of any Human Immuno-Deficiency Virus ("HIV") infection;
- e) the illness that is caused by alcohol or substance abuse or addiction; or
- f) the illness that is caused by nuclear fusion, nuclear fission, nuclear waste or any radioactive or ionizing radiation.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the insurance certificate for the terms and conditions under this policy.

26. What happens if I wrongly / mistakenly declare wrong information?

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) reserves the right to verify the information and declarations provided by you and may avoid your coverage if incorrect information is provided.

Registering a claim

27. How do I register a claim?

Under "Home" page -> Click "My Coverage" tab -> Click "View Policy" under "Step-Up Against Cancer Plan" -> Click "Register a claim" and follow the step-by-step guide.

28. What are the documents required when submitting a claim?

- 1) Copy of Critical Illness Claim (Doctor's Statement for cancer) - completed and signed by doctor who treated the Insured Member;



- 2) Laboratory Report: Histopathology Examination Report, Biopsy, MRI, scan and investigation results (where applicable);
- 3) Selfie Image of Insured Member holding NRIC; and
- 4) Front and back of Insured Member's NRIC image.

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) reserves the right to request for other relevant supporting documents, information or to view the original of the copied documents whenever necessary.

Note: Claim must be submitted within 3 months from diagnosed date. Otherwise, the claims will not be eligible for the benefits.

29. How long will it take to process the claim?

Upon receiving the complete documents, the claim payment will be processed within 14 working days.

My Feedback

30. How can I provide my feedback on Pulse app?

Under "Account" page -> Click "My Feedback".



Soalan Lazim

Pendaftaran untuk Step-Up Against Cancer Plan

1. Berapakah bayaran untuk pendaftaran?

Pendaftaran adalah percuma untuk 100,000 penyertaan pertama.

2. Siapa yang layak untuk pendaftaran?

Pelan ini ditawarkan kepada individu yang adalah:

- pengguna aplikasi mudah alih Pulse by Prudential;
- berumur antara 19 hingga 50 tahun pada hari jadi akan datang;
- merupakan seorang warganegara Malaysia yang kini menetap di Malaysia; dan
- bukan seorang pemilik polisi dan nyawa yang diinsuranskan untuk insurans / takaful yang ditawarkan oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad atau Prudential BSN Takaful Berhad sebelum Tarikh Permulaan bagi Sijil Insurans Ahli Yang Diinsuranskan,

tertakluk kepada penerimaan perlindungan daripada PAMB.

3. Bagaimana saya mendaftar?

Muat turun aplikasi Pulse terkini dan daftar akaun Pulse. Sign masuk ke akaun Pulse anda dan di bawah halaman "Halaman Utama" -> Klik tab "PRUShoppe" -> Klik "#BangkitMelawanKanser" untuk mendaftar.

4. Bolehkah saya mendaftar melebihi satu penyertaan?

Perlindungan ini terhad kepada satu penyertaan bagi setiap nombor Kad Pengenalan yang berdaftar.

Maklumat Am

5. Apakah itu Step-Up Against Cancer Plan?

Step-Up Against Cancer Plan adalah pelan kumpulan tanpa penyertaan di mana Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah Pemegang Polisi Induk kepada pelan ini. Pelan ini menawarkan perlindungan Manfaat Kanser kepada Ahli Yang Diinsuranskan selama 12 bulan dari Tarikh Permulaan bagi sijil insurans Ahli Yang Diinsuranskan, yang merangkumi kanser utama.

6. Sebagai Ahli Yang Diinsuranskan di bawah Step-Up Against Cancer Plan, adakah saya layak bagi Perlindungan Khas COVID-19 2021 & Perlindungan Pasca Vaksinasi COVID-19?

Ya, anda akan menikmati perlindungan khas COVID-19 2021 dengan bantuan tunai RM1,000 semasa dimasukkan ke hospital & RM10,000 manfaat kematian. Anda juga akan menikmati bantuan tunai RM500 bagi kemasukan hospital disebabkan kesan advers daripada imunisasi (AEFI) dalam masa 7 hari selepas menerima vaksinasi COVID-19 yang sah.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Perlindungan Khas COVID-19 2021, sila rujuk:

<https://www.prudential.com.my/en/our-company-newsroom/announcements/special-covid-19-coverage/>

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Perlindungan Pasca Vaksinasi COVID-19, sila rujuk:

<https://www.prudential.com.my/en/our-company-newsroom/announcements/covid-19-hospitalisation-post-vaccination-campaign/>

7. Bagaimanakah Step-Up Against Cancer Plan berfungsi?

Setelah berjaya mendaftar, anda akan mendapat perlindungan Kanser percuma bermula dengan Jumlah Diinsuranskan sebanyak RM500. Dalam 100 hari pertama dari permulaan perlindungan anda, Jumlah Diinsuranskan anda dapat ditingkatkan dari RM 500 kepada maksimum RM 12,500 dengan menyempurnakan aktiviti-aktiviti di bawah:

- Selaraskan sekurang-kurangnya 5,000 langkah sehari dengan aplikasi Pulse anda untuk mendapatkan RM 100 Jumlah Diinsuranskan tambahan. Manfaat ini dinamakan Daily Coverage Booster. Anda boleh mendapatkan sehingga RM 10,000 Daily Coverage Booster secara kumulatif dalam 100 hari pertama dari permulaan perlindungan anda.



- (b) Ajak teman-teman dan keluarga anda untuk menyertai Pulse dan mendapatkan RM 200 Jumlah Diinsuranskan tambahan bagi setiap pendaftaran yang berjaya oleh orang lain untuk menjadi pengguna bagi Pulse melalui jemputan anda. Manfaat ini dinamakan Referral Reward. Anda boleh mendapatkan sehingga RM 2,000 Referral Reward secara kumulatif dalam 100 hari pertama dari permulaan perlindungan anda.

8. Apakah yang akan berlaku apabila saya menyelaraskan kurang dari 5,000 langkah sehari ke aplikasi Pulse saya?

Sekiranya anda mencapai kurang dari 5,000 langkah sehari, anda tidak akan menerima sebarang Daily Coverage Booster. Anda boleh terus menyelaraskan sekurang-kurangnya 5,000 langkah ke aplikasi Pulse anda dalam 100 hari pertama dari permulaan perlindungan anda untuk terus meningkatkan Jumlah Diinsuranskan anda.

9. Bagaimanakah saya menyelaraskan langkah saya ke aplikasi Pulse?

Sekiranya anda menggunakan pengesan kecergasan, pastikan anda selaraskan pengesan kecergasan anda dengan kerap dengan aplikasinya dalam peranti mudah alih anda.

Pastikan bahawa anda mempunyai sambungan internet yang stabil supaya aplikasi pengesan kecergasan anda dapat diselaraskan ke atas perkhidmatan awannya.

Aplikasi Pulse akan menarik data dari aplikasi pengesan kecergasan anda yang disambungkan ke aplikasi Pulse. Sila lancarkan aplikasi Pulse setiap hari untuk memastikan aplikasi pengesan kecergasan anda diselaraskan dengan aplikasi Pulse.

10. Berapa kerapkah saya harus menyelaraskan langkah saya ke aplikasi Pulse?

Anda dicadangkan untuk melancarkan aplikasi Pulse anda dengan kerap setiap hari untuk menyelaraskan langkah anda ke aplikasi Pulse bagi menjejaki pencapaian anda.

Adalah dimaklumkan bahawa terdapat tettingkap penyelarasan selama 7 hari untuk aplikasi Pulse. Sebarang data dalam pengesan kecergasan anda yang melebihi 7 hari yang lalu, tidak akan dapat diselaraskan ke aplikasi Pulse lagi.

Pengesan kecergasan anda boleh menetapkan sekatan, terma dan syarat untuk menghitung langkah dan menyelaraskan langkah-langkah dengan sebarang aplikasi mudah alih. Oleh itu, anda digalakkan untuk membaca sekatan, terma dan syarat tersebut untuk memahami bagaimana anda boleh berjaya menyelaraskan langkah-langkah ini dengan aplikasi Pulse.

Manfaat-Manfaat Peningkatan Jumlah Diinsurans anda yang berkaitan akan berdasarkan maklumat yang terdapat di aplikasi Pulse.

11. Adakah saya akan menerima Daily Coverage Booster sekiranya terdapat kelewatan penyelarasan langkah saya ke aplikasi Pulse?

Contoh senario 1:

Saya telah mencapai 5,000 langkah menggunakan pengesan kecergasan pada 1 September. Namun, saya hanya cuba menyelaraskan langkah-langkah untuk 1 September ke aplikasi Pulse pada 3 September. Adakah saya akan menerima Daily Coverage Booster untuk pencapaian 5,000 langkah pada 1 September?

Ya, setelah langkah anda berjaya diselaraskan ke aplikasi Pulse pada 3 September, anda akan menerima Daily Coverage Booster dan Jumlah Diinsuranskan anda akan meningkat sebanyak RM 100.

Contoh senario 2:

Saya telah mencapai 5,000 langkah menggunakan pengesan kecergasan pada 1 September. Namun, saya hanya cuba menyelaraskan langkah-langkah untuk 1 September ke aplikasi Pulse pada 10 September. Adakah saya akan menerima Daily Coverage Booster untuk pencapaian 5,000 langkah pada 1 September?

Tidak, anda terlepas tettingkap penyelarasan 7 hari untuk aplikasi Pulse. Langkah-langkah dalam aplikasi pengesan kecergasan anda yang melebihi 7 hari yang lalu tidak akan dapat diselaraskan lagi ke aplikasi Pulse dan anda tidak akan menerima Daily Coverage Booster.

Sila rujuk Soalan 9 mengenai kekerapan yang anda harus ikuti untuk penyelarasan langkah-langkah anda ke aplikasi Pulse.



12. Bagaimanakah saya dapat menjejaki pencapaian langkah dan peningkatan Jumlah Diinsuranskan saya?

Anda boleh mengetahui maklumat mengenai jumlah langkah dan Jumlah Diinsuranskan anda dari skrin Utama dan bahagian Perlindungan Saya dalam aplikasi Pulse anda.

13. Apakah yang akan berlaku selepas 100 hari dari permulaan perlindungan saya?

Nikmati perlindungan Kanser percuma yang telah anda perolehi sehingga akhir tempoh perlindungan anda.

14. Bilakah perlindungan saya bermula dan tamat?

Perlindungan insurans anda bermula setelah anda berjaya mendaftar dan sah untuk tempoh 12 bulan.

15. Bagaimanakah saya mengetahui sekiranya saya telah berjaya mendaftar?

Skrin pengesahan akan memaklumkan kejayaan pendaftaran anda. Selepas berjaya mendaftar, Sijil Insurans anda akan disediakan di bahagian Perlindungan Saya.

16. Penganalisis kecergasan manakah yang sesuai digunakan untuk aplikasi Pulse?

Apple Health (hanya untuk peranti Apple), Google Fit (hanya untuk peranti Android), Fitbit dan Garmin.

17. Bagaimanakah saya menghubungkan penganalisis kecergasan saya dengan aplikasi Pulse?

Anda boleh menyambungkan penganalisis kecergasan anda dengan Pulse di bawah halaman "Kesihatan" -> Klik "Hubungkan Sekarang" di bawah tab "Penganalisis Kecergasan Saya" atau di bawah halaman "Akaun" -> Klik "Penganalisis Kecergasan Saya".

18. Bolehkah saya memutuskan penganalisis kecergasan saya dari aplikasi Pulse atau menukar penganalisis kecergasan saya yang disambungkan ke aplikasi Pulse semasa tempoh perlindungan?

Anda dinasihatkan untuk tetap bersama penganalisis kecergasan yang telah anda pilih sepanjang tempoh 100 hari pertama dari permulaan perlindungan anda untuk memastikan penjejakan langkah berterusan untuk mencerminkan peningkatan Jumlah Diinsuranskan. Sekiranya sambungan penganalisis kecergasan terputus pertengahan jalan, Jumlah Diinsuranskan hanya akan meningkat sehingga titik pemutusan.

19. Langkah-langkah saya tidak diselaraskan untuk sinkronisasi dengan Pulse, apakah yang boleh saya buat?

- Pastikan bahawa Pulse telah diberi kebenaran untuk mengumpulkan data dari aplikasi penganalisis kecergasan.
- Pastikan bahawa anda menggunakan versi terkini aplikasi penganalisis kecergasan anda.
- Pastikan bahawa telefon anda telah dipasang dengan kemas kini terbaru yang tersedia. Rujuk kepada pengeluar telefon anda jika perlu.
- Pastikan versi perisian pada penganalisis kecergasan anda adalah yang terkini.
- Biarkan seketika untuk penyelarasan disempurnakan. Lancarkan Pulse setiap hari untuk menyelaraskan langkah-langkah anda.

20. Adakah sistem operasi telefon saya sesuai untuk aplikasi Pulse?

Untuk mendapatkan pengalaman terbaik di Pulse, sila guna Android 8 ke atas atau iOS 11 ke atas.

21. Bagaimanakah perhitungan langkah disimpulkan sebagai fraud?

Untuk menilai jika sebarang maklumat yang diberikan untuk menyokong peningkatan Jumlah Diinsuranskan di bawah Daily Coverage Booster adalah diberikan secara fraud atau dibesar-besarkan, atau terdapat apa-apa pengakuan palsu dibuat, Kami boleh menggunakan teknologi Artificial Intelligence ("AI") atau teknologi lain untuk menjalankan pemeriksaan audit ke atas jumlah langkah yang diselaraskan untuk sinkronisasi dengan aplikasi Pulse. Kami juga boleh meminta maklumat daripada penyedia bagi aplikasi Pulse atau pembekal barangan/perkhidmatannya atau kontraktornya, atau Ahli Yang Diinsuranskan untuk menyokong peningkatan Jumlah Diinsuranskan di bawah Daily Coverage Booster.

Kami boleh mengambil langkah-langkah berikut, jika Kami mendapati bahawa maklumat yang diberikan untuk menyokong Daily Coverage Booster adalah diberikan secara fraud atau dibesar-besarkan, atau terdapat apa-apa pengakuan palsu dibuat:

- i. melupuskan peningkatan Jumlah Diinsuranskan di bawah Daily Coverage Booster;
- ii. enggan memberikan Daily Coverage Booster; atau
- iii. menamatkan perlindungan insurans Ahli Yang Diinsuranskan.



Perlindungan Insurans Kanser

22. Bagaimanakah saya mengetahui lebih lanjut mengenai ciri dan manfaat perlindungan insurans ini?

Anda boleh merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk dan Polisi Induk/Sijil Insurans untuk maklumat lebih lanjut. Setelah berjaya mendaftar, Sijil Insurans anda akan disediakan di bahagian Perlindungan Saya.

23. Berapakah Jumlah Diinsurans yang akan dibayar semasa tuntutan?

Manfaat-Manfaat		Amaun
Manfaat Kanser	Kanser Tiroid	10% daripada Jumlah Diinsuranskan
	Jenis-Jenis Kanser lain	100% daripada Jumlah Diinsuranskan (atau 90% daripada Jumlah Diinsuranskan, sekiranya terdapat tuntutan yang diluluskan terdahulu untuk Kanser Tiroid)

Kanser bermakna sebarang tumor malignan yang didiagnosis secara positif dengan pengesahan histologi dan dicirikan oleh pertumbuhan sel-sel malignan secara tidak terkawal serta serangan tisu-tisu. Istilah tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarkoma. Untuk definisi di atas, berikut adalah dikecualikan dan tidak dilindungi:

- Semua kanser yang diklasifikasikan secara histologi sebagai satu daripada pra-malignan, bukan Invasif, karsinoma in situ, yang mempunyai malignansi sempadan dan/atau yang mempunyai potensi malignan
- Semua tumor prostat yang diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM)
- Semua tumor tiroid yang diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM)
- Semua tumor pundi kencing yang diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM)
- Leukemia Limfositik Kronik yang kurang daripada RAI Tahap 3
- Semua kanser dengan kehadiran HIV
- Sebarang kanser kulit selain daripada melanoma malignan

Kanser Tiroid bermakna sebarang tumor malignan kelenjar tiroid yang didiagnosis secara positif dengan pengesahan histologi dan dicirikan oleh pertumbuhan sel-sel malignan secara tidak terkawal serta serangan tisu-tisu. Untuk definisi di atas, semua tumor tiroid yang diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM) adalah tidak dilindungi.

Nota:

- Diagnosis mesti dibuat di Malaysia oleh pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen di Malaysia.
- Kanser Tiroid hanya akan dibayar sekali sahaja. Selepas tuntutan untuk Kanser Tiroid, Ahli Yang Diinsuranskan tidak lagi berhak untuk sebarang Manfaat-Manfaat Peningkatan Jumlah Diinsuranskan.
- Perlindungan Ahli Yang Diinsuranskan ini akan tamat selepas tuntutan untuk Manfaat Kanser (kecuali Kanser Tiroid) dan/ atau apabila kematian Ahli Yang Diinsuranskan, mana yang berlaku dahulu.
- Sila rujuk kepada sijil insurans untuk terma-terma dan syarat-syarat penuh di bawah polisi ini.

24. Adakah tempoh menunggu berkuatkuasa untuk perlindungan ini?

Ya, tempoh menunggu selama 60 hari berkuatkuasa untuk perlindungan ini. Ini bermaksud bahawa kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah sijil insurans hanya akan bermula selepas 60 hari dari tarikh perlindungan anda bermula.

25. Apakah pengecualian-pengecualian yang berkuatkuasa untuk perlindungan ini?

Pelan ini tidak melindungi:

- tanda-tanda atau simptom penyakit yang sudah muncul, atau penyakit itu didiagnosis, pada bila-bila masa sebelum atau dalam tempoh 60 hari dari Tarikh Permulaan bagi Sijil Insurans Ahli Yang Diinsuranskan;
- penyakit tersebut tidak didiagnosis semasa Ahli Yang Diinsuranskan masih hidup;
- penyakit tersebut timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Keadaan Sedia Ada;
- penyakit tersebut disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan jangkitan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit ("AIDS") atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit ("HIV");
- penyakit tersebut disebabkan oleh alkohol atau penyalahgunaan bahan atau ketagihan; atau
- penyakit tersebut disebabkan oleh pelakuran nuklear, pembelahan nuklear, sisa nuklear atau sebarang sinaran radioaktif atau pengionan.



Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil insurans untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

26. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya salah/tersilap mengisytiharkan maklumat?

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) berhak untuk mengesahkan maklumat dan perisytiharan yang anda berikan dan boleh mengelakkan perlindungan anda sekiranya maklumat yang salah diberikan.

Mendaftarkan tuntutan

27. Bagaimanakah saya mendaftar untuk tuntutan?

Dari "Halaman Utama" -> Klik "Perlindungan Saya" -> Klik "Lihat Butiran Perlindungan" di bahagian "Step Up Against Cancer Plan" -> Klik "Failkan tuntutan" dan ikuti panduan langkah demi langkah.

28. Apakah dokumen yang diperlukan semasa mengemukakan tuntutan?

- 1) Salinan Tuntutan Penyakit Kritikal (Pernyataan Doktor untuk barah) - dilengkapkan dan ditandatangani oleh doktor yang merawat Ahli Yang Diinsuranskan;
- 2) Laporan Makmal: Laporan Pemeriksaan Histopatologi, Biopsi, MRI, imbasan dan laporan penyiasatan (jika berkenaan);
- 3) Gambar Selfie Ahli Yang Diinsuranskan memegang Kad Pengenalan; dan
- 4) Gambar depan dan belakang NRIC Ahli Yang Diinsuranskan.

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) berhak meminta dokumen sokongan dan maklumat lain yang berkenaan atau meminta untuk melihat dokumen asal salinan jika perlu.

Nota: Tuntutan mesti dikemukakan dalam masa 3 bulan dari tarikh didiagnosis. Jika tidak, tuntutan tidak akan layak untuk manfaat perlindungan.

29. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk memproses tuntutan tersebut?

Setelah menerima dokumen yang lengkap, pembayaran tuntutan akan diproses dalam masa 14 hari bekerja.

Maklum Balas Saya

30. Bagaimanakah saya memberikan maklum balas saya mengenai aplikasi Pulse?

Halaman "Akaun" -> Klik "Kongsi Maklum Balas".